

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 5/2017**

Semua Pelajar Program Asasi Pintar

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU  
PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI AKADEMIK 2016-2017**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2016-2017 akan dijalankan mulai **17 April hingga 24 April 2017**.

Sehubungan itu, saudara/i diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam urusan pengesahan kursus dan draf jadual waktu peperiksaan akhir Semester II Sesi Akademik 2016-2017. Urusan pengesahan kursus dan jadual waktu peperiksaan perlu dibuat melalui <http://www.ukm.my/smpweb> mulai **27 Februari hingga 05 Mac 2017**. Dalam paparan borang permohonan ini akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar serta draf jadual peperiksaan akhir. Saudara/i dikehendaki menyemak maklumat tersebut dan mengesahkannya. Tindakan yang saudara/i perlu lakukan ialah seperti berikut:-

- a. Sekiranya semua maklumat adalah betul dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, maka saudara/i perlu mengesahkannya dengan menekan butang **SAH**.
- b. Sekiranya terdapat **percanggahan jadual peperiksaan** atau **3 kursus berturutan dalam satu hari** maka saudara/i dikehendaki menekan butang **Bahagian Akademik** dan mencetak paparan borang tersebut. Sila catatkan kursus terlibat dan dapatkan pengesahan Fakulti. Borang tersebut hendaklah diserahkan ke **Kaunter Pusat Pengurusan Akademik** selewat-lewatnya **06 Mac 2017**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembedulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika saudara/i tidak hadir peperiksaan bagi kursus-kursus tersebut saudara/i akan diberi gred E (gagal). Saudara/i yang tidak membuat pengesahan juga akan dikenakan denda sebanyak **RM15.00**.

Jadual Peperiksaan muktamad akan dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) yang boleh dicapai melalui SMPweb mulai **20 Mac 2017**. Pelajar dinasihatkan untuk menjelaskan semua hutang dengan Universiti untuk mengelakkan sebarang kesulitan. Sekiranya saudara/i mempunyai masalah untuk menjelaskan hutang secara sekaligus, sila berbincang dengan Bahagian Kewangan Pelajar untuk mengelakkan sebarang kesulitan.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon:+603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili:+603-8911 8471

E-mel: [akad@ukm.edu.my](mailto:akad@ukm.edu.my) Web: <http://www.ukm.my/akademik>

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**NOR SHADIRA RAMLI**  
Eksekutif Kanan

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik
  - Pengarah Pusat PERMATApintar Negara
  - Timbalan Pengarah (Sistem Pengurusan Kualiti), Pusat Jaminan Kualiti
  - Pengarah Pusat Teknologi Maklumat
  - Eksekutif, Pusat PERMATApintar Negara
  - Papan-papan Notis Pelajar



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telefon:+603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili:+603-8911 8471  
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/akademik>